
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

ZGE 361/2 - Geologi Lanjutan

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia. Sokong jawapan kamu dengan lakaran-lakaran dan jadual-jadual yang berkaitan.

1. (a) Perihalkan tentang sekitaran dominasi pasang-surut. (60/100)
(b) Bincangkan bagaimana kamu boleh mengenalpasti enapan dan fasies sekitaran pasang surut didalam batuan kuno dan batuan sub-permukaan. (40/100)
2. Huraikan aspek-aspek yang boleh mempengaruhi dan memberi kesan keatas kualiti batuan takungan? (100/100)
3. (a) Bincangkan secara meluas tentang skop-skop kerja seorang geosaintis didalam industri petroleum, dengan menyenaraikan kefahaman-kefahaman asas yang diperlukan oleh beliau. (60/100)
(b) Beri pandangan anda tentang bagaimana kefahaman tentang sekitaran pegenapan dan batuan takungan boleh membantu dalam kerja-kerja cari-gali petroleum. (40/100)
4. Terangkan dengan ringkas tentang DUA dari tajuk-tajuk berikut:
 - (a) Enapan karbonat laut cetek (50/100)
 - (b) Aplikasi konsep stratigrafi sekuen dalam industri petroleum (50/100)
 - (c) Fasies-fasies enapan sekitaran fluvial (sungai) (50/100)
 - (d) Keliangan dan keterlapan batuan takungan. (50/100)
5. Tulis suatu karangan tentang
 - (a) Konsep-konsep dan pengelasan lembangan sedimentari, ATAU (100/100)
 - (b) Kaedah-kaedah pengeluaran hidrokarbon yang diamalkan di dalam industri. (100/100)